

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI SELASA, 7 MAC 2023, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 7

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI

1. PR-1521-MQT2069

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah implikasi kepada ekonomi negara dengan komitmen pelaburan oleh Amazon Web Services yang bernilai RM25.5 bilion menjelang tahun 2037. Pada masa yang sama, Tesla juga telah menyatakan komitmen pelaburan ke Malaysia. Bagaimanakah perancangan selanjutnya oleh Kerajaan bagi memastikan lebih banyak pelaburan berkualiti tinggi dapat masuk ke Malaysia.

2. PR-1521-MQT2056

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan penjelasan Kerajaan Persekutuan mengapa masih tidak melaksanakan darurat banjir khususnya di Johor sedangkan situasi semakin buruk dengan jumlah mangsa banjir terus melonjak di PPS sehingga 44,860 orang setakat jam 8 pagi Ahad, 5 Mac 2023 dan sudah meragut empat nyawa serta ramalan Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) bahawa hujan berterusan pada tahap buruk sehingga Selasa.

3. PR-1521-MQT2043

Tuan Haji Yusuf bin Abd. Wahab [Tanjong Manis] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pemindahan ibu negara Indonesia ke Kalimantan, yang berhampiran dengan Sabah dan Sarawak, memerlukan dua negeri itu 'mempersiapkan diri' terutama dari aspek pembangunan sempadan, infrastruktur jalan dan modal insan. Apakah perancangan dan persediaan pihak Kerajaan di dalam memastikan komuniti perniagaan dan swasta di Sabah dan Sarawak khususnya dapat mengambil manfaat melalui jalinan seperti - *company to company (C2C)*, *business to business (B2B)* serta *government to government (G2G)* agar kita tidak ketinggalan.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI SELASA, 7 MAC 2023, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 15

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1521-L18526
Datuk Suhaimi bin Nasir [Libaran] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan status pencapaian internet berkelajuan tinggi di Sabah yang sepatutnya negeri itu telah beralih kepada teknologi 5G.
2. PR-1521-L19370
Tan Sri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah Kerajaan untuk mewujudkan sistem 'ombudsman' bagi menangani masalah salah laku dalam kalangan ahli politik dan penjawat awam termasuk pihak berkuasa.
3. PR-1521-L18460
Tuan Cha Kee Chin [Rasah] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan secara terperinci bagaimanakah Jualan Rahmah yang telah dilancarkan pada 11 Januari 2023 dilaksanakan. Apakah inisiatif Kerajaan ini mendapat sambutan daripada pasar raya atau kedai di seluruh negara dan bagaimanakah keberkesanan inisiatif ini dalam mengurangkan kos sara hidup setakat ini.

4. PR-1521-L18061

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan penjelasan pihak Kementerian mengenai perancangan masa hadapan penggunaan aset Pesawat Hercules C-130 oleh Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) memandangkan inventori pesawat pengangkut sedia ada sudah ditambah dengan aset Pesawat Airbus A400M serta usaha Kementerian mengimbangi perbelanjaan wang awam dalam masa yang sama memenuhi keperluan perkhidmatan TUDM.

5. PR-1521-L18784

Datuk Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan strategi dan fokus Kementerian untuk menarik Pelaburan Langsung Asing (FDI) yang berkualiti ke negara ini dan usaha untuk menjadikan Malaysia sebagai hub destinasi pelaburan pilihan di rantau Asia ini.

6. PR-1521-L19039

Tuan Muhammad Fawwaz bin Mohamad Jan [Permatang Pauh] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan jumlah kadar kemiskinan mengikut kaum, agama dan negeri dalam tempoh 10 tahun serta nyatakan usaha Kerajaan untuk menyelesaikan kadar kemiskinan ini.

7. PR-1521-L18045

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah tindakan yang diambil untuk memberhentikan monopoli ke atas beras, roti, gula dan lain-lain yang mana monopoli itu dipegang oleh golongan tertentu sahaja.

8. PR-1521-L18835

Tuan Haji Kamal bin Ashaari [Kuala Krau] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan dasar Kerajaan bagi membangunkan institut pengajian tinggi (IPT) di kawasan-kawasan luar bandar yang ketinggalan dari aspek pembangunan.

9. PR-1521-L18709

Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Bandar Tun Razak] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan apakah langkah yang menyeluruh bagi mengekang kebocoran maklumat peribadi yang tertakluk pada Personal Data Protection Act 2010 Malaysia kerana sering disalah gunakan terutamanya memerangkap mangsa secara dalam talian oleh pihak yang tidak bertanggungjawab atau lebih dikenali sebagai *scammer*.

10. PR-1521-L18691

Tuan Haji Bakri bin Jamaluddin [Tangga Batu] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan tindakan dan pelan strategi yang diambil bagi membantu peniaga pinggir jalan khususnya yang berniaga bukan sahaja di bandar-bandar tetapi juga di pinggir dan luar bandar.

11. PR-1521-L18514

Dato' Seri Haji Aminuddin bin Harun [Port Dickson] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan adakah sebarang perancangan ke atas Bandar Tentera Darat, Port Dickson dinaik taraf bagi menambah daya tarikan pelancong tempatan dan luar negara.

12. PR-1521-L19025

Datuk Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan berapa jumlah potensi idea yang boleh dikomersialkan daripada pemenang-pemenang Program Malaysia Techlympics 2022 dan sejauh mana keberkesanan program ini.

13. PR-1521-L18997

Datuk Andi Muhammad Suryady bin Bandy [Kalabakan] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah status terkini penaiktarafan kampus UiTM Tawau daripada kampus penyedia yang kini hanya menawarkan program pra diploma kepada kampus penuh yang akan menawarkan program diploma dan ijazah yang bersesuaian demi memastikan pendidikan berkualiti dapat disediakan kepada anak-anak tempatan berhampiran khususnya di Kalabakan.

14. PR-1521-L18732

Dr. Abd Ghani bin Ahmad [Jerlun] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah rakyat mempunyai sebarang ruang untuk melakukan saman sivil kepada sindiket *scammer*.

15. PR-1521-L18728

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan pendirian Kementerian untuk meminda AUKU untuk memberikan lebih banyak autonomi kepada persatuan-persatuan mahasiswa di setiap universiti termasuk universiti awam.

16. PR-1521-L19249

Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah pihak Kerajaan dalam perancangan untuk mempertimbang pelan penambahbaikan skim perkhidmatan awam khususnya melibatkan agensi penguatkuasaan seperti kastam, imigresen, maritim dan seumpamanya.

17. PR-1521-L19186

Tuan Tan Kar Hing [Gopeng] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan keberkesanan Digital Transformation Acceleration Programme dan dana *cradle* yang membantu pemain-pemain industri SME.

18. PR-1521-L19265

Datuk Ali anak Biju [Saratok] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan :-

- (a) statistik pendapatan penengah dan purata terkini untuk masyarakat kumpulan etnik Orang Asli, Dayak, Melanau, Kadazan, Dusun, Murut, Sulu dan Bajau secara terperinci; dan
- (b) perancangan holistik Kerajaan untuk meningkatkan taraf pendapatan kumpulan-kumpulan etnik tersebut.

19. PR-1521-L18191

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan unjuran kadar inflasi untuk tahun 2023 dan apakah langkah-langkah utama yang sedang atau akan diambil oleh Kerajaan untuk menangani isu kenaikan kos sara hidup.

20. PR-1521-L19328

Dato' Haji Abdul Khalib bin Abdullah [Rompin] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan sumbangan yang diberikan oleh Kementerian bagi meningkatkan penglibatan bakal-bakal graduan di pusat pengajian tinggi dalam aspek keusahawanan bagi mengurangkan kebergantungan kepada tawaran kerja sama ada daripada pihak swasta atau Kerajaan.

21. PR-1521-L18319

Tuan Jimmy Puah Wee Tse [Tebrau] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan dasar Kerajaan menyelesaikan masalah banyak kawasan termasuk kawasan bandar yang masih tidak mempunyai akses kepada internet *fiber broadband* dengan alasan tiada 'port' oleh pihak Telco.

22. PR-1521-L18895

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan langkah-langkah jangka masa panjang yang telah diambil oleh Kementerian dalam menangani isu kenaikan kos sara hidup di negara ini.

23. PR-1521-L18175

Datuk Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah usaha Kementerian yang terkini dalam membantu usahawan-usahawan informal dan mikro yang masih terjejas akibat musim pandemik yang lampau dan kenaikan harga barang yang melampau sehingga menyebabkan kesukaran untuk usahawan ini memulakan semula perniagaannya.

24. PR-1521-L18364

Dr. Mohammed Taufiq bin Johari [Sungai Petani] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah program-program yang akan dilaksanakan untuk memberi pendedahan mengenai sistem demokrasi berparlimen negara kepada pengundi-pengundi baru dan adakah Kerajaan bercadang untuk membuka ruang di sekolah dan universiti untuk program-program pendidikan pengundi.

25. PR-1521-L18169

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah Kerajaan akan menjalankan audit forensik bebas terhadap tiga organisasi iaitu MAIKA Bhd., MITRA dan MIED untuk kepentingan awam kerana ketiga-tiga agensi ini didapati menyalahguna dan menyelewangkan wang rakyat. Jika tidak, mengapa.

26. PR-1521-L18124

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status Yayasan Kepimpinan Perdana sekarang kerana didapati bekas Perdana Menteri ke-7 masih lagi berada di situ dan berapa perbelanjaan yang dikeluarkan oleh Kerajaan setiap tahun untuk Yayasan Kepimpinan Perdana ini.

27. PR-1521-L19207

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan akan menyalurkan peruntukan kepada Kerajaan negeri yang berlainan parti dengan Kerajaan Persekutuan dan adakah setiap ahli Parlimen bukan Kerajaan akan mendapat peruntukan sebagaimana ahli Parlimen Kerajaan.

28. PR-1521-L19176

Tuan Mohd Nazri bin Abu Hassan [Merbok] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan apakah tindakan Kementerian kerana rakyat sudah mula hilang sabar apabila berdepan masalah liputan telekomunikasi. Rakyat terpaksa bergerak ke beberapa lokasi, mencari kawasan yang ada liputan. Inilah senario terpaksa dihadapi rakyat yang sudah muak dengan masalah tiada berpenghujung itu.

29. PR-1521-L19065

Tuan Gobind Singh Deo [Damansara] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status pengasingan kuasa antara Jabatan Peguam Negara dan Jabatan Pendakwa Raya.

30. PR-1521-L18087

Dato' Indera Dr. Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) pelaksanaan peratusan pencapaian infrastruktur dan kemudahan awam seperti bekalan air dan elektrik di seluruh Labuan sejak pulau itu diisytiharkan sebagai Wilayah Persekutuan kedua pada 1984; dan
- (b) apakah perancangan terkini Kerajaan berhubung aspek kesaksamaan dalam kemajuan selaras Rancangan Pemajuan Labuan 2040 yang memperlihatkan Wilayah Persekutuan Labuan bakal sebagai Pulau Bandar Pintar dan Mampan.

31. PR-1521-L18318

Puan Isnaraissah Munirah Majilis [Kota Belud] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) adakah Kerajaan bercadang menambah Peruntukan Khas Perdana Menteri yang diberikan kepada ahli Parlimen Sabah dan Sarawak sebagai sebahagian daripada komitmen Kerajaan mempercepat pembangunan di kedua-dua buah wilayah ini berbanding Semenanjung Tanah Melayu; dan
- (b) adakah Kerajaan bercadang untuk menyediakan peruntukan khas sama rata kepada semua ahli Parlimen tanpa mengira mereka ahli Parlimen daripada Kerajaan mahupun Pembangkang.

32. PR-1521-L18595

Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran [Batu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pencapaian Kerajaan Perpaduan dalam tempoh masa 50 hari pertama pentadbiran dan bagaimana pemerintahan berkonsep Malaysia Madani ini mampu mengangkat semula martabat negara.

33. PR-1521-L18594

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan rancangan pembangunan semula di Kuala Lumpur dalam 10 tahun yang akan datang. Apakah status rancangan pembangunan semula pada rumah pangsa kos rendah di Taman Sri Endah di Sri Petaling memandangkan projek pembangunan semula ini telah mendatangkan bantahan kuat daripada penduduk di Sri Petaling.

34. PR-1521-L18549

Tuan Riduan bin Rubin [Tenom] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan langkah-langkah Kerajaan untuk mengeluarkan masyarakat luar bandar di Sabah dari kepompong kemiskinan dan usaha-usaha Kerajaan untuk merapatkan jurang ekonomi antara wilayah di Sabah dan Semenanjung Malaysia.

35. PR-1521-L18940

Datuk Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kesediaan Kerajaan untuk mempertimbangkan agihan peruntukan pembangunan kawasan Parlimen secara sama rata dan mekanisme bajet tersebut disalurkan.

36. PR-1521-L18032

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan seterusnya bagi penyelesaian International Petroleum Investment Company (IPIC) dengan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) supaya dana sehingga USD\$7 bilion boleh dikembalikan dari pihak IPIC kepada 1MDB.

37. PR-1521-L17996

Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan strategi, dasar, insentif cukai dan langkah untuk meningkatkan kadar eksport kereta Proton dan Perodua ke luar negara.

38. PR-1521-L19468

Tuan Kesavan A/L Subramaniam [Sungai Siput] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah usaha-usaha yang sedang diambil untuk mencipta atau mewujudkan ekosistem keusahawanan yang holistik dan kondusif untuk menyokong agenda pembangunan sosioekonomi mampan dan inklusif.

39. PR-1521-L18794

Datuk Haji Awang bin Hashim [Pendang] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan tahap intervensi Kerajaan (*Government Intervention*) dalam mengawal selia keperluan ekonomi Malaysia dalam menangani peningkatan kos sara hidup yang meresahkan rakyat serta mengurangkan paras kemiskinan tegar.

40. PR-1521-L18186

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan akan menambah baik lagi sistem undi pos, supaya masalah tidak sempat kirim balik tidak akan berlaku lagi dan juga masalah kelewatan undi pos sampai ke pengundi juga tidak berulang lagi pada PRU dan PRN yang akan datang.

41. PR-1521-L18898

Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk melaksanakan proses pemilihan Ketua Pesuruhjaya SPRM melibatkan Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen yang bersifat dwipartisan.

42. PR-1521-L18407

Tuan Edwin anak Banta [Selangau] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan apakah perancangan untuk menaik taraf prasarana dan liputan telekomunikasi bagi memastikan penduduk luar bandar di Sarawak, khususnya di kawasan Selangau mendapat capaian jalur lebar yang terbaik.

43. PR-1521-L18386

Tuan Kalam bin Salan [Sabak Bernam] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan langkah susulan, pantas dan paling berkesan ekoran peningkatan barang keperluan utama rakyat yang terus naik seperti tiada harapan untuk turun harga.

44. PR-1521-L19284

Dato' Sri Saifuddin Abdullah [Indera Mahkota] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat mencadangkan elemen-elemen dan perkara-perkara khusus dalam Reformasi Parlimen. Adakah Kerajaan akan mencadangkan proses perundingan yang inklusif bagi merealisasikan agenda reformasi tersebut.

45. PR-1521-L18266

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa jumlah penduduk miskin dan miskin tegar di Kuala Lumpur bagi tahun 2018, 2019, 2020, 2021 dan 2022 dan nyatakan perancangan Kerajaan bagi mengatasi masalah kemiskinan bandar raya ini.

46. PR-1521-L18500

Dato' Haji Shamshulkahar bin Mohd Deli [Jempol] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apa status terkini projek perumahan Projek Generasi Baharu Felda (PGBF) yang masih belum siap di kawasan Palong 7 dan 8 serta Palong 14, 15 dan 16.

47. PR-1521-L18909

Dato' Sri Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan perincian insentif berkaitan kenderaan elektrik yang disediakan oleh Kerajaan sebagai langkah untuk mengurangkan intensiti pelepasan gas rumah hijau (GHG).

48. PR-1521-L18887

Dato' Ahmad bin Saad @ Yahaya [Pokok Sena] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkembangan terkini Jawatan Kuasa Pasukan Petugas Khas berhubung isu perundungan Batu Puteh.

49. PR-1521-L18852

Dr. Ahmad Fakhruddin bin Fakhrurazi [Kuala Kedah] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan bagaimanakah 'ranking' universiti dunia seperti QS dan THE yang disertai oleh universiti-universiti Malaysia mempengaruhi tahap pencapaian universiti dan kemenjadian siswazah.

50. PR-1521-L19222

Tuan Rushdan bin Rusmi [Padang Besar] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan sejauh mana peranan dan tindakan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor (CIA) dalam mendepani pelabur asing dan juga projek berimpak tinggi.

51. PR-1521-L19154

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah [Langkawi] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan projek-projek mega yang akan diberhentikan bagi memberi laluan kepada projek-projek kecil yang memberi kesan kepada rakyat miskin tersisih.

52. PR-1521-L18110

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Kubang Pasu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini projek pembinaan Masjid Changlun di Bukit Kayu Hitam yang tertangguh sekian lama dan bilakah kerja-kerja pembinaannya akan disambung semula.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. (D.R 2/2023) Rang Undang - Undang Perbekalan 2023 – **Menyambung semula perbahasaan atas masalah, " Bahawa Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang,"**
(6 Mac 2023)

DAN

Usul dibuat oleh YAB Menteri Kewangan dan masalah dicadangkan :-

“Bahawa Dewan ini, menurut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan bahawa suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari sembilan puluh sembilan bilion ringgit (RM99,000,000,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2023, dan bagi tujuan dan butiran Perbelanjaan Pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2023, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 19 Tahun 2023, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut, dan bahawa Usul yang telah diluluskan oleh Dewan ini pada 20 Disember 2022 mengenai perbelanjaan yang dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2023 adalah dibatalkan dan hendaklah disahkan.”

Menyambung semula perbahasan atas masalah (6 Mac 2023)

2. (D.R 1/2023) Rang Undang-Undang Pencetakan Teks Al-Bacaan Kali Yang Kedua
Qur'an (Pindaan) 2023.
[Menteri Dalam Negeri]

3. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-

“Bahawa Dewan ini, mengikut peruntukan perenggan 8(3)(a)(iv) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], mengambil ketetapan bersetuju supaya Kerajaan Malaysia melalui Menteri Kewangan (Diperbadankan) membuat pelaburan dengan menukar baki pinjaman Kerajaan Malaysia sebanyak RM165,282,814.00 kepada UDA Holding Berhad (UDA), sebuah syarikat dimiliki sepenuhnya oleh Menteri Kewangan (Diperbadankan) kepada ekuti (modal saham) bersamaan Seratus Enam Puluh Lima Juta Dua Ratus Lapan Puluh Dua Ribu Lapan Ratus Empat Belas (165,282,814) unit saham biasa pada nilai RM1 bagi satu unit saham.”

4. PR-1521-U(27)231

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya menyegerakan pembinaan dan baik pulih tembok sempadan Malaysia - Thailand supaya merangkumi keseluruhan perbatasan dari Perlis hingga Kelantan dan menyediakan suatu pelan tindakan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia-Thailand. Sempadan Malaysia - Thailand adalah sepanjang kira-kira 656km namun hanya 111 km sahaja yang berpagar. Sebahagian tembok sempadan antara Malaysia dan Thailand di sepanjang Laluan Keselamatan dan Pembangunan (KESBAN) dilihat sudah usang manakala peralatan kamera litar tertutup (CCTV) dan alat pengimbas perlu ditambah, dibaik pulih dan dinaik taraf dengan teknologi terkini seperti penggunaan *dron*. Beberapa insiden pada masa lalu seperti kes tembakan ke atas pasukan keselamatan negara dan bermaharajalelanya sindiket pemerdagangan manusia seperti yang berlaku di insiden Wang Kelian serta penyeludupan barang termasuk dadah dan senjata menunjukkan betapa kritikalnya keperluan untuk meningkatkan tahap keselamatan di perbatasan. Kerajaan Malaysia sebelum ini telah memberikan komitmen untuk membina tembok sempadan tersebut tetapi sehingga terkini masih tiada pelan pembangunan komprehensif dan terperinci yang diumumkan. Mohon pihak Kerajaan memandang serius perkara ini dengan menyegerakan pembangunan tembok sempadan Malaysia - Thailand secara menyeluruh dan memastikan suatu pelan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia - Thailand agar benar-benar berkesan menjamin keselamatan perbatasan negara."

[Menteri Dalam Negeri]

5. PR-1521-U(27)232

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan menubuhkan badan siasatan bebas bagi mengenal pasti secara terperinci punca utama yang menyebabkan kekurangan bekalan bahan makanan mentah seperti ayam dan telur ayam di pasaran serta merangka perancangan penyelesaian jangka pendek dan panjang yang komprehensif termasuk penguatkuasaan terhadap golongan kartel orang tengah serta menambahkan daya pengeluaran bekalan bahan mentah tempatan. Rakyat baik dari kalangan pengguna mahupun pengusaha restoran kecil masih mengeluh dengan permasalahan ini yang menyebabkan kenaikan harga bahan makanan mentah. Kerajaan tidak seharusnya melepaskan tanggungjawab menjaga keterjaminan bekalan bahan mentah makanan kepada individu (sebagai *end user*) mahupun menyarankan penyelesaian jalan mudah seperti menambah import makanan tetapi mencari penyelesaian sepanjang rangkaian jaringan bekalan bahan makanan mentah."

[Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan]

6. PR-1521-U(27)233

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya mengkaji dan merancang satu inisiatif khas bagi memastikan setiap rakyat dan keluarga Malaysia terutamanya dari golongan B40 dan M40 mampu memiliki kediaman pertama dengan menyediakan rumah mampu milik berharga RM200,000 dan ke bawah baik di luar dan di dalam bandar. Dasar Perumahan Negara (2018 - 2025) sendiri memperakui bahawa isu kemampuan memiliki rumah semakin ketara di kalangan rakyat dan impak kenaikan harga rumah yang mendadak turut dirasai golongan M40 selain B40. Inisiatif khas untuk menyediakan kemudahan rumah pertama pada harga di bawah RM200,000 dan ke bawah ini hendaklah dijadikan salah satu sasaran kajian semula Dasar Perumahan Negara dan memerlukan input dari pelbagai agensi dan Kementerian serta pihak bukan Kerajaan dan bukan dari satu Kementerian sahaja. Isu kemampuan memiliki rumah pertama jika tidak ditangani akan mewujudkan generasi rakyat yang sentiasa menyewa tanpa mendapat peluang memiliki perumahan sendiri. Golongan generasi ini akan terus menjadi mangsa kepada harga hartanah yang melambung akibat spekulasi hartanah dan tanpa kawalan harga sehingga menjadikan harga di luar kemampuan sebenar golongan M40 dan B40. "

[Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan]

7. PR-1521-U(27)234

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya agihan peruntukan pembangunan dan pelaksanaan projek pembangunan kepada enam negeri kurang membangun, iaitu Kedah, Kelantan, Perlis, Sabah, Sarawak dan Terengganu seperti yang direncanakan di dalam Pelan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) dapat dilaksanakan secepat mungkin. Berdasarkan pelan RMK-12 tersebut, enam negeri kurang membangun akan terus diberi keutamaan dengan agihan sekurang-kurangnya 50% daripada keseluruhan peruntukan Perbelanjaan Pembangunan Asas Persekutuan. Ini akan mempercepatkan penyediaan infrastruktur dan kemudahan asas serta menjana lebih banyak peluang ekonomi di negeri kurang membangun dan mengurangkan jurang pembangunan."

[Menteri Ekonomi]

8. PR-1521-U(27)235

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya mengkaji semula peruntukan khas yang boleh diberikan kepada pekebun kecil, penternak dan nelayan yang terjejas akibat bencana alam seperti banjir dan musim tengkujuh. Kerosakan tanaman dan kematian ternakan sering kali mendatangkan kerugian besar hingga kepada jutaan ringgit setiap kali berlaku bencana alam. Dengan situasi semasa ekonomi negara yang tidak stabil juga secara tidak langsung akan memberi tekanan kepada kos sara hidup pekebun kecil, penternak dan nelayan yang kebanyakannya bergantung harap kepada sumber pendapatan tersebut sahaja. Maka pemberian peruntukan khas ini dapat menambah baik kehidupan mereka."

[Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan]

9. PR-1521-U(27)236

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

Kerajaan supaya mengkaji dan merancang satu inisiatif khas bagi memastikan setiap rakyat dan keluarga Malaysia terutamanya dari golongan B40 dan M40 mampu memiliki kediaman pertama dengan menyediakan rumah mampu milik berharga RM200,000 dan ke bawah baik di luar dan di dalam bandar. Dasar Perumahan Negara (2018-2025) sendiri memperakui bahawa isu kemampuan memiliki rumah semakin ketara di kalangan rakyat dan impak kenaikan harga rumah yang mendadak turut dirasai golongan M40 selain B40. Inisiatif khas untuk menyediakan kemudahan rumah pertama pada harga di bawah RM200,000 dan ke bawah ini hendaklah dijadikan salah satu sasaran kajian semula Dasar Perumahan Negara dan memerlukan input dari pelbagai agensi dan Kementerian serta pihak bukan Kerajaan dan bukan dari satu Kementerian sahaja. Isu kemampuan memiliki rumah pertama jika tidak ditangani akan mewujudkan generasi rakyat yang sentiasa menyewa tanpa mendapat peluang memiliki perumahan sendiri. Golongan generasi ini akan terus menjadi mangsa kepada harga harta tanah yang melambung akibat spekulasi harta tanah dan tanpa kawalan harga sehingga menjadikan harga di luar kemampuan sebenar golongan M40 dan B40. "

[Perdana Menteri]

10. PR-1521-U(27)237

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan melaksanakan satu perancangan persediaan dan pengurusan risiko bagi menghadapi bencana alam dapat disemak semula akibat impak perubahan iklim yang sangat drastik sejak kebelakangan ini. Hal demikian kerana perancangan rapi penting bagi memastikan tahap kesiapsiagaan anggota terlibat berada di tahap yang tinggi. Di samping itu, Kerajaan juga perlu merencana satu langkah holistik bagi mendidik masyarakat agar bersiap siaga untuk menghadapi bencana alam kerana kesedaran terhadap isu ini di dalam kalangan masyarakat masih berada di tahap yang rendah berdasarkan peristiwa bencana alam yang lepas."

[Perdana Menteri]

11. PR-1521-U(27)238

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan menyemak semula garis panduan Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) mengenai isi kandungan media sosial yang sensitif serta tidak sesuai dengan agama Islam dan budaya tempatan seperti kandungan yang *pro-LGBT* dan *pro-liberalisme*. Misalnya, SKMM baru-baru ini telah bekerjasama dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk memantau penyebaran klip-klip video sensitif yang berbaur provokasi dengan niat mencetuskan ketidakharmonian, kebencian dan prejudis. Oleh hal demikian, Kerajaan digesa supaya melakukan tindakan yang sama bagi menangani penularan isi kandungan *pro-LGBT* dan *pro-liberalisme* di media sosial. Tindakan ini adalah penting untuk memastikan martabat Islam sebagai agama rasmi negara terpelihara dan budaya tempatan dihormati. "

[Menteri Komunikasi dan Digital]

12. PR-1521-U(27)239

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya menyediakan perancangan, peruntukan dan prasarana kepada pelajar-pelajar universiti, kolej, STPM dan SPM bagi menghadapi kaedah pembelajaran alaf baru seperti pembelajaran dalam talian dan menggunakan media elektronik. Ini bagi membolehkan dan mendedahkan mereka ke alam teknologi siber dan e-pembelajaran yang semakin berkembang yang seterusnya memerlukan guru-guru yang terlatih dalam pendidikan alaf baru."

[Menteri Pendidikan]

13. PR-1521-U(27)240

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya mewujudkan pusat benih padi khusus di kawasan utara khasnya di Arau, Perlis bagi membekalkan benih-benih padi yang bermutu tinggi dan mencukupi serta membolehkan penyelidikan yang agresif dibuat bagi menghasilkan benih padi baru. Pusat Benih Padi adalah penting untuk mengumpul benih padi yang lebih berdaya komersial, lebih berdaya tahan iklim (*climate resistant*) dan sesuai dengan cuaca di kawasan utara Semenanjung Malaysia. Pusat ini juga boleh berperanan menjalankan kajian di peringkat serantau dan melibatkan penyelidik daripada negara-negara jiran seperti Thailand, Indonesia, Filipina dan Myanmar yang mempunyai tanaman dan baka padi yang berdaya komersial tinggi."

[Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan]

14. PR-1521-U(27)241

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan menyediakan pelan tindakan yang komprehensif untuk menangani kadar pengangguran semasa yang dijangka meningkat terutamanya di kalangan graduan universiti, penduduk luar bandar dan golongan miskin bandar. Pelan tindakan ini amat diperlukan memandangkan keadaan ekonomi global juga bakal meruncing pada tahun 2023 dan kadar pelaburan asing di Malaysia akan terjejas. Dengan situasi ekonomi terkini, lambakan penganggur akan menyebabkan peningkatan jumlah golongan B40 dan B20 akibat peningkatan kos sara hidup."

[Perdana Menteri]

15. PR-1521-U(27)242

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya meneruskan usaha untuk memberi bantuan semula kepada pesawah menerusi Bajet 2023. Dalam ucapan Bajet 2023 yang lepas, Kerajaan mengumumkan bantuan sebanyak RM200 sebulan bagi tempoh tiga bulan kepada 240 ribu penerima yang layak. Anggaran keseluruhan perbelanjaan bantuan tersebut adalah lebih kurang RM228 juta. Justeru itu, Kerajaan digesa agar mempercepat saluran bantuan tersebut kepada pesawah yang memerlukan bagi menyokong pengorbanan mereka sebagai tonggak utama dalam menghasilkan makanan ruji utama rakyat Malaysia iaitu beras. Kebanyakan petani di utara Semenanjung Malaysia mempunyai kawasan sawah padi yang luas serta subur yang juga sesuai ditanam pelbagai jenis tanaman seperti kelapa sawit. Walau bagaimanapun, para pesawah ini masih meneruskan tanaman padi bagi menjamin kelangsungan makanan ruji utama negara. Oleh hal demikian, Kerajaan diharapkan dapat menghargai pengorbanan para pesawah ini."

[Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan]

16. PR-1521-U(27)243

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan melaksanakan segera projek-projek tebatan banjir di seluruh negara untuk memastikan projek ini dilaksanakan secara holistik dan dapat mencari jalan penyelesaian kepada isu banjir yang semakin meruncing akibat kesan perubahan iklim dan pembangunan yang tidak mesra alam. Antara projek yang perlu dilaksanakan segera adalah seperti Projek Pembangunan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai Golok (KESBAN) dan Sungai Kelantan. Dengan pembinaan projek tersebut, risiko banjir besar dapat dikurangkan. Di samping itu, projek tebatan banjir di Selangor khususnya di Shah Alam dan bandar Kuala Lumpur juga diharapkan dapat dilaksanakan dengan komprehensif agar dapat menangani masalah banjir kilat."

[Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim]

17. PR-1521-U(27)244

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya melaksanakan tindakan kawalan yang lebih ketat berkenaan jualan arak. Garis panduan yang khusus perlu dikaji dan diwujudkan oleh Kerajaan bagi mengawal penjualan arak yang meliputi waktu dan tempat jualan arak yang seragam dan boleh diguna pakai di seluruh negara bagi tujuan mengelakkan masalah sosial yang sering timbul seperti masalah rumah tangga dan kemalangan jalan raya. Oleh hal yang demikian, keseragaman tindakan daripada Kementerian Kewangan dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah amat diperlukan sekiranya ingin melaksanakan tindakan kawalan yang lebih ketat terhadap jualan arak kerana ketika ini ketidakseragaman tindakan antara dua entiti ini menjadi antara punca kawalan jualan arak tidak dapat dilaksanakan secara efektif dan efisien."

[Menteri Kewangan]

18. PR-1521-U(27)245

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya membentuk satu pasukan petugas khas bagi memberi perhatian terhadap isu pencerobohan sempadan yang berlaku di Sabah dan Sarawak. Seperti di ketahui, Sabah dan Sarawak pula berkongsi sempadan darat sejauh 2,019.5km dengan Kalimantan, Indonesia. Daratan Negara Brunei Darussalam dibatasi sepenuhnya oleh Sarawak sepanjang 481.3km. Kebanyakan kawasan perbatasan Malaysia bersama negara-negara jirannya terletak di kawasan perbukitan yang diliputi hutan tebal dan kawasan perairan laut menyebabkan kawalan terhadap kawasan-kawasan ini sulit dilakukan. Oleh sebab itu, masalah pencerobohan, penyeludupan, pemerdagangan manusia dan perdagangan narkotik adalah antara isu yang saban tahun masih berlaku dan sukar ditumpaskan. Dengan siapnya Lebuhraya Sematan – Telok Melano juga baru-baru ini secara tidak langsungnya meningkatkan risiko pencerobohan sempadan sama ada melalui darat dan laut terutamanya melalui Taman Negara Tanjong Datu. Oleh hal yang demikian, tindakan segera Kerajaan bagi mencari solusi terbaik kepada masalah kawalan sempadan ini adalah amat diharapkan."

[Menteri Dalam Negeri]

19. PR-1521-U(27)225

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Pindaan terhadap Akta Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman (JAC) 2009, seiring dengan cadangan serta titah Majlis Raja – Raja Melayu, demi memastikan pelantikan lima daripada sembilan ahli JAC tidak lagi dilakukan oleh Perdana Menteri. Bergerak ke hadapan, adalah wajar untuk Kerajaan Perpaduan meminda Akta JAC 2009 dan Perkara 122B Perlombagaan Persekutuan bagi menghentikan campur tangan eksekutif yang hanya mengikut selera politik semata-mata dalam isu pelantikan hakim, sekali gus dapat mewujudkan kebebasan sistem kehakiman serta menjunjung keluhuran perlombagaan dan kedaulatan undang-undang di dalam Malaysia sepertimana yang terkandung dalam Rukun Negara.

Sebelum ini, negara telah dikejutkan dengan pendedahan oleh mantan Tan Sri Peguam Negara di dalam buku tulisannya yang berjudul, "*My Story: Justice in Wilderness*", yang nyata bertentangan dengan laungan Kedaulatan Undang-undang atau "*Rule of Law*", oleh Kerajaan pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke-7. Berdasarkan penulisan beliau, terdapat pelbagai dakwaan mengenai isu pelantikan hakim, campur tangan didalam sistem kehakiman, pendakwaan politik, serta pelbagai pendedahan yang menerbitkan seribu satu persoalan. Pendedahan daripada mantan Tan Sri Peguam Negara tersebut amat membimbangkan, menimbulkan rasa syak wasangka dan persoalan terhadap sistem keadilan, dan juga kepincangan atas doktrin, dengan izin, "*separation of power*" atau pengasingan kuasa di dalam negara kita.

Justeru, saya menyambut baik kenyataan YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi) yang menyatakan bahawa, Jemaah Menteri telah bersetuju dengan cadangan untuk menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) untuk meneliti mengenai perkara tersebut. Namun, saya fikirkan Kerajaan tidak sepatutnya sekadar berhenti di situ sahaja. Sebaliknya perlu meminda JAC 2009 bagi merealisasikan hasrat murni Kerajaan terutamanya dalam urus tadbir yang baik atau '*good governance*'."

[Perdana Menteri]

20. PR-1521-U(27)226

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Pindaan terhadap harga maksimum telur ayam yang berkuat kuasa pada 12 Oktober 2022 di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 dengan menaikkan harga kawalan telur tempatan dari RM0.41 ke RM0.50 sebiji, iaitu pada paras harga yang sama dengan harga telur import dari India. Di samping itu, Kementerian juga boleh mewujudkan "elaun telur secara *top-up*" kepada golongan B40 dengan menampung selisih harga telur sebanyak RM0.09 (RM0.41 -RM0.50) sebiji. Langkah ini boleh meringankan bebanan kewangan keluarga B40 dan turut membantu penternak tempatan mengatasi masalah kos operasi yang meningkat, sekali gus mengatasi masalah kekurangan bekalan telur ayam. Seandainya elaun telur sebanyak RM200 setahun diberikan kepada golongan B40, banyak telur yang boleh dimakan oleh keluarga B40.

Kementerian seharusnya mengutamakan penternak tempatan semasa menangani masalah kekurangan bekalan telur ayam. Ramai penternak atau pengusaha ladang ayam telur terpaksa menampung kos operasi yang tinggi mengeluarkan telur. Kos untuk menghasilkan sebiji telur ayam di ladang kini mencecah RM0.45 sebiji, di mana sebahagian besarnya membabitkan penghasilan makanan ayam. Menurut Laporan Kajian Khas Kos Pengeluaran Ayam Dan Telur oleh Jabatan Perangkaan Malaysia pada Disember 2022, purata kos pengeluaran di peringkat ladang bagi telur adalah RM0.48 sebiji pada September 2022. Penternak tempatan rugi kerana telur tempatan hanya boleh dijual dengan RM0.41 sebiji kerana ada kawalan harga, sedangkan kos menghasilkan sebiji telur telah pun melebihi paras harga tersebut. Kalau rugi, penternak tidak akan membela ayam untuk menghasilkan telur.

Malahan, telur import dari India dijual dengan RM0.50 sebiji, jika Kementerian memansuhkan kawalan harga, harga jualan telur tempatan juga lebih kurang sama iaitu kira-kira RM0.50 sebiji. Maka, cadangan untuk meminda harga kawalan telur tempatan ke RM0.50 sebiji bakal membantu rakyat dan penternak tempatan. Langkah tersebut boleh menjana ekonomi domestik dari sudut penyediaan peluang pekerjaan dan pembayaran cukai dari pihak penternak, kebersihan dan keselamatan telur ayam, kemudahan logistik, penyeliaan dan pembekalan berbanding dengan langkah mengimport telur dari India.

Justeru, Kementerian wajar mempertimbangkan cadangan pindaan kawalan harga telur supaya rakyat dan penternak tempatan tidak lagi terjejas dalam masalah kekurangan bekalan telur yang berpanjangan ini. Elaun telur kepada golongan B40 juga boleh memastikan rakyat terus berkemampuan menikmati makanan asas ini tanpa terjejas oleh kenaikan harga kawalan telur. Telur dan ayam adalah makanan asas rakyat tanpa mengira kaum atau agama, perkara ini harus dijadikan keutamaan."

[Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan]

21. PR-1521-U(27)227

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan langkah-langkah Kerajaan dalam menghadapi Kemelesetan Ekonomi Global pada 2023 seperti yang diramalkan oleh pelbagai institusi kewangan dalam dan luar negara.

Menurut kajian yang dibuat oleh Bank Dunia; dalam menghadapi risiko, di mana bank-bank negara di seluruh dunia telah dan akan secara serentak menaikkan kadar faedah secara mendadak. Kesannya, seluruh dunia akan menghadapi krisis ekonomi dan bakal menuju kepada krisis kewangan yang semestinya akan memberikan impak negatif yang berpanjangan.

Pelbagai kajian dasar, pakej rangsangan dan langkah diplomatik perlu dibuat oleh Kerajaan untuk memastikan negara kita kalis krisis ini dan membolehkan rakyat hidup dalam kestabilan ekonomi yang optimum. Selain itu, krisis ekonomi secara global juga dijangka akan membawa kepada kemerosotan KDNK sebanyak 0.5 peratus pada 2023.

Pertumbuhan ekonomi mesti dipertingkatkan supaya negara kita boleh mencapai penukuhan nilai mata wang dan menarik lebih banyak pelaburan yang strategik di mana akan menyumbang kepada peluang pekerjaan, peningkatan produktiviti, pengukuhan pasaran modal dan mengurangkan kemiskinan rakyat. "

[Menteri Ekonomi]

22. PR-1521-U(27)228

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan perancangan Kerajaan untuk mewujudkan sebuah jawatankuasa khas di peringkat jemaah menteri bagi membuat kajian dan perancangan dalam membasmi kemiskinan golongan nelayan. Mengikut rekod lalu yang dibuat, bincian daripada SENDI-LKIM (2008-2017) mendapati bahawa para nelayan hanya memperoleh pendapatan melebihi RM1,200 sahaja. Meskipun Kerajaan sudah menyediakan peruntukan kepada nelayan melalui Elaun Sara Hidup Bantuan Nelayan dan Skim Subsidi Petrol, namun dengan peningkatan kos sara hidup dan keterbatasan akses kepada kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan telah menyukarkan dan membebankan para nelayan yang berada di kawasan luar bandar. Tahun 2022, sejumlah RM7 juta diperuntukkan kepada LKIM sebagai modal pusingan pembelian ikan tempatan sebanyak 1,000 tan metrik yang akan ditempatkan di 130 bilik sejuk beku di seluruh negara untuk menghadapi musim tengkujuh. Permasalahan ini berlaku disebabkan penglibatan orang tengah yang menganiaya dan mengambil kesempatan atas usaha para nelayan dengan memberi alasan hasil yang berkurangan disebabkan oleh cuaca buruk dan secara tidak langsung memberikan kesan negatif kepada rantai sekuriti makanan negara. Penerangan yang jelas kepada sistem penyaluran bantuan Kerajaan juga harus ditambah baik terutamanya

kepada golongan-golongan yang tidak mahir menggunakan kemudahan internet dan agensi berkaitan haruslah mencari nelayan yang masih belum berdaftar agar bantuan Kerajaan juga boleh dinikmati oleh mereka. Pokoknya, Kerajaan harus meneliti dan menggali dengan lebih mendalam tentang permasalahan yang dihadapi oleh para nelayan. Kita harus memperkasakan saluran bantuan Kerajaan agar tidak berlaku ketirisan dan aktiviti penyalahgunaan kuasa yang digunakan oleh pihak-pihak tertentu."

[Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan]

23. PR-1521-U(27)229

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan sebuah pelan tindakan khas untuk menghadapi dan mengatasi krisis utiliti terutamanya tenaga elektrik dan bekalan air bersih serta apakah jangkaan kesan kepada rakyat apabila inisiatif Kerajaan mengurangkan pemberian subsidi utiliti.

Krisis tenaga elektrik berpunca dari harga bahan api sangat tinggi yang menyebabkan peningkatan mendadak kos penjanaan elektrik dan pelarasan tarif elektrik melalui mekanisme ICPT. Berdasarkan kepada kos penjanaan yang sangat tinggi ini, semua pengguna elektrik di Semenanjung Malaysia sepatutnya dikenakan surcaj sebanyak 27 sen/kWj bagi tempoh 1 Januari hingga 30 Jun 2023 yang akan menyebabkan peningkatan kos sara hidup sekiranya dilepaskan kepada pengguna sepenuhnya. Sekiranya keseluruhan kos ICPT ditampung melalui subsidi, Kerajaan pula perlu menyediakan peruntukan yang sangat besar dan membebankan.

Krisis sumber air bersih diakibatkan oleh penebangan hutan secara berleluasa dan pembalakan yang tidak terkawal boleh memusnahkan "hutan awan" (*cloud forest*) yang akan mengakibatkan kehilangan sumber air yang berharga selain menyebabkan hakisan tanah dan menjelaskan kualiti sumber air. Pembuangan sampah dan sisa toksik industri juga menyumbang kepada pencemaran air sungai yang boleh menyebabkan masalah gangguan bekalan air tidak berjadual timbul dan menyukarkan rakyat dalam kehidupan sehari-hari dan secara langsung menelan kos yang tinggi bagi meningkatkan tahap capaian bekalan air bersih, tambahan pula kerja-kerja penyelenggaraan dan penggantian peralatan secara berkala di loji rawatan air atau sistem agihan oleh operator bekalan air semestinya memerlukan perbelanjaan yang tinggi.

Oleh hal demikian jaminan tenaga dan air perlu dirangka dengan langkah yang selamat oleh Kerajaan dalam mencapai penggunaan utiliti yang mampan serta efisyen dengan penggunaan kos yang rendah serta pengenaan caj tidak membebankan rakyat. Pengalaman krisis tenaga yang dilalui oleh masyarakat di Eropah perlu diambil sebagai panduan dan perkara yang perlu dirujuk dalam membuat sebarang pertimbangan pada masa kini dan hadapan."

[Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim]

24. PR-1521-U(27)230

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan menubuhkan sebuah Institut Rukun Negara bagi mengkaji dan membentangkan perancangan model literasi perpaduan jangka masa panjang menyeluruh yang akan menyelesaikan masalah polarisasi kaum yang semakin menebal dalam kalangan anak muda di negara ini. Model pendidikan jangka masa panjang ini perlu merangkumi keseluruhan aspek pembelajaran termasuk komponen subjek akademik, komponen kerohanian dan komponen etnik tanpa membelakangi peruntukan yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan dan semangat Rukun Negara. Masalah polarisasi kaum akan dilihat semakin serius jika perancangan, penekanan dan pemantauan ini tidak dilakukan segera daripada peringkat awal pembelajaran dan ia tidak dapat mencapai tahap toleransi semua kaum dan semangat kenegaraan semakin lemah dalam kalangan anak muda. Kesannya terhadap potensi untuk membangunkan negara bangsa mengikut acuan kita sendiri akan terencat dan keharmonian serta kesejahteraan negara juga akan terancam."

[Menteri Perpaduan Negara]

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN RAKYAT)**

<u>TAHUN 2023</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST.39	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) Bagi Tahun 2020 (Telah Diaudit)	7 Mac 2023
ST.50	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) Bagi Tahun 2021 (Telah Diaudit)	7 Mac 2023

****UCAPAN-UCAPAN**
(PERATURAN MESYUARAT 17)
(KAMAR KHAS)

Tarikh Ucapan	Ahli Yang Berucap	Tajuk Ucapan	Menteri Yang Bertanggungjawab
1. 07.03.2023 (Selasa)	1. YB Tuan Haji Muhammad Islahuddin bin Abas (Mersing)	1. Pembinaan Klinik Kesihatan Mersing ke Klinik Kesihatan Jenis 3	1. YB Menteri Kesihatan
2. 07.03.2023 (Selasa)	2. YB Tuan Haji Muhammad Islahuddin bin Abas (Mersing)	2. Isu-Isu FELDA di Parlimen Mersing	2. YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri
3. 07.03.2023 (Selasa)	3. YB Tuan Tan Hong Pin (Bakri)	3. Isu Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK)	3. YB Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat
4. 07.03.2023 (Selasa)	4. YB Tuan Tan Hong Pin (Bakri)	4. Cadangan Pembinaan Kolam Renang di Bandar Muar	4. YB Menteri Belia Dan Sukan

**** Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**